



BULETIN FPPI

"TERKINI DAN BERINFOMASI"

PENASIHAT:

Dekan FPPI

Prof Madya Dr
Mariam bt Abd
Majid

Timb. Dekan Akademik & Penyelidikan

Dr Nasimah Hj
Abdullah

AJK Unit Buletin:

1. Mohd Norzi b
Nasir
2. Siti Mursyidah
bt Mohd Zin
3. Mohd Asri bin
Ishak

TAHNIAH KEPADA PENERIMA GERAN PENYELIDIKAN & INOVASI KUIS (GPIK) 2017)

21 November 2017, Selasa - Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS telah menerima pengesahan geran pembangunan intensif dari Pusat Penyelidikan Pengurusan KUIS. Sebanyak 31 orang ketua penyelidikan yang dilantik merupakan para pensyarah dari FPPI, KUIS.

Tahniah dan selamat menjalankan penyelidikan buat para pensyarah yang telah mendapat geran penyelidikan KUIS.

Tahniah kepada semua ketua penyelidik yang telah berusaha keras menyiapkan proposal sehingga berjaya. Majlis penyerahan lantikan kepada ketua penyelidik telah disempurnakan oleh Rektor KUIS, Prof. Dato Ab Halim bin Tamuri. Turut



PELANCARAN SUDUT ILMU FPPI

19 Mei 2017: Projek sudut ilmu merupakan satu wadah bagi pelajar menggarap dan memperoleh maklumat secara santai di satu ruangan yang disediakan oleh Sekretariat Keceriaan di bawah Jawatankuasa kebajikan Staff dan Keceriaan. Ruang tersebut menyediakan bahan bacaan dan ruang perbincangan bagi mewujudkan suasana perbincangan di kalangan pelajar.



DIARY FPPI

- APRIL 2017: ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
- 13 MEI 2017: FAMILY DAY FPPI
- 19 MEI 2017: PELANCARAN SUDUT ILMU
- 6 JUN 2017: KEMASUKAN PELAJAR BARU
- 14 JULAI 2017: JAMUAN HARI RAYA FPPI
- 1-2 OGOS 2017: IRSYAD 2017
- 31 JULAI- 4 OGOS 2017: JABATAN BAHASA ARAB DI VIETNAM
- 31 JULAI- 4 OGOS 2017: JABATAN BAHASA ARAB DI KOREA
- 30 JULAI 2017: JUDUS DI BRUNEI
- 18 OGOS 2017 : FREE FOOD FPPI
- 18 OGOS 2017 : PERTEMUAN DAN AMANAT DEKAN KEPADA ATELIT FPPI DI SUKAN KUIS
- 3 OKTOBER 2017: MESYUARAT FAKULTI
- 6- 15 NOVEMBAR 2017: MINGGU KECERIAN BILIK FPPI
- 16 NOVEMBAR 2017: UKHUWAH DAY FPPI
- NOVEMBAR 2017: TAKLIMAT PELAJAR BARU FPPI



IRSYAD 2017

Bertempat di TM Convention Center Kuala Lumpur, IRSYAD 2017 (3rd International Conference On Islamiyyat Studies) telah diadakan . Persidangan yang berlangsung selama dua hari bermula 1 Ogos 2017 dan berakhir pada 2 Ogos 2017 telah disertai oleh hampir 100 ahli akedemik yang datang dari dalam dan luar negara.dengan tema "Pengajian Islam Dalam Era Globalisasi: Cabaran dan Solusi", Persidangan yang dahulunya dikenali sebagai International Seminar on Aqidah, Syariah and Dakwah merupakan siri persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) KUIS. Kesenambungan persidangan an-

tarabangsa ini diteruskan supaya dapat membantu meningkatkan pembangunan penyelidikan dan persidangan dalam kalangan para akademik serta dapat berkongsi dapatan kajian di peringkat antarabangsa. Penganjuran IRSYAD pada kali ini adalah untuk mencapai objektif memperkasakan pengajian Islam dalam pembangunan ummah di peringkat tempatan dan antarabangsa ,mengenal pasti isu-isu yang berkaitan pengajian Islam secara teori dan praktikal.,selain dari itu dari persidangan ini ianya mampu mengemukakan solusi terhadap isu-isu yang berkaitan pengajian Islam di

samping dapat menyediakan individu yang sentiasa bersedia menghadapi cabaran-cabaran semasa berkaitan dengan pengajian Islam. Sohibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Zulkifli Al Bakri telah menyampaikan ucpatama pertama sempena persidangan kali ini. Ucpatama kedua disampaikan oleh Timbalan Dekan Akademik & Penyelidikan,Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Dr. Nasimah binti Haji Abdullah dengan tajuk: Terjemahan al-Quran: Isu dan Permasalahan. Sementara ucpatama ketiga pula disampaikan oleh Prof. Dr. Achmad Mubarak dengan tajuk: Sistem Pendidikan Pesantren Di Era Global.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016

5 April 2017, Rabu - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016 KUIS telah diadakan pada 6 Jun 2017 bertempat di Nilai Spring Resort Hotel, Nilai Negeri Sembilan. Majlis telah disempurnakan oleh Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab Halim bin Tamuri.

Majlis anugerah ini diadakan setiap tahun bertujuan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai akademik, pegawai pentadbiran dan kakitangan sokongan yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta prestasi cemerlang didalam pelaksanaan tugas-tugas mereka.

Seramai 12 orang pegawai akademik dan seorang kakitangan pentadbiran Fakulti Pengajian Peradaban Islam, FPPI disenaraikan sebagai penerima APC 2016.

MAJLIS HARI RAYA FPPI

Sempena kehadiran Idul Mubarak Idul Fitri 1437 hijri, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam (FPPI) KUIS telah mengadakan Jamuan Hari Raya bagi mengeratkan jalinan ukhwah sesama kakitangan FPPI. Majlis yang berlangsung di perkarangan ruang legar auditorium Skeikh Muhammad Ramadhan Al Buti telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kakitangan Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam (FPPI). Setiap jabatan dari FPPI diberikan satu booth bagi menyediakan santapan dan menu yang berbeza mewakili jabatan masing-masing. Pertandingan booth tercantik juga diadakan bagi memeriahkan lagi majlis yang di adakan. Jabatan Tahfiz Dan Qiraat telah mendapat anugerah booth tercantik pada tahun ini. Di akhir jamuan diadakan Majlis memotong kek dari Dekan dan Timbalan Dekan. Moga majlis sebegini dapat diteruskan lagi pada masa-masa hadapan bagi menjalinkan hubungan dan mengeratkan ukhwah sesama kakitangan FPPI.

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016

PEGAWAI AKADEMIK

1. SAHLAWATI BINTI ABU BAKAR
2. DR. NOOR HAFIZAH BINTI MOHD HARIDI
3. MOHD NORZI BIN NASIR
4. NAZNEEN BINTI ISMAIL
5. ROHANA BINTI ZAKARIA
6. DR. MUHAMMAD YUSOF MARLON BIN ABDULLAH
7. DR. ABUR HAMDI BIN USMAN
8. AHMAD REDZAUDIN BIN GHAZALI

PENTADBIRAN

NORMALALISA BINTI MOHD NASIR

ANUGERAH HADIAH Ph.D

DR GHAZALI BIN ZAINUDDIN

ANUGERAH KHIDMAT SETIA

15 TAHUN

1. MOHD KHAFIDZ BIN SORONI
2. SAHLAWATI BINTI ABU BAKAR
3. DR. NORSALEHA BINTI MOHD SALLEH
4. MAHMUD LUTFI BIN ABD HADI
5. SHAHARUDDIN BIN SAAD

10 TAHUN

1. SURIANI BINTI SUDI
2. NORMAH BINTI HUSIN
3. DR. YAAKOB BIN HASAN



PERTANDINGAN KECERIAN BILIK

13 November 2017, Isnin - Pertandingan Keceriaan Bilik (Bilik Pensyarah Terbaik 2017) Fakulti Pengajian Peradaban Islam FPPI KUIS telah diadakan pada Oktober 2017.

Kriteria utama yang dinilai bagi Pertandingan tersebut ialah dari segi kebersihan, kekemasan dan kreativiti kreativiti setiap pensyarah mempersembahkannya kepada pihak juri yang dilantik oleh Timbalan Dekan Pembangunan Mahasiswa & Alumni FPPI, Dr. Md Noor bin Hussin.

Pertandingan ini mendapat rambutan yang menggalakkan daripada para pensyarah. Meskipun dalam kesibukan semua pihak telah memberikan kerjasama yang baik.

Tahniah diucapkan kepada para pemenang yang rata-rata diungguli oleh Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab. Berikut senarai pemenang bagi setiap katogeri:

Pensyarah Lelaki

Juara: Ustaz **NOR AZHAN BIN NORUL 'AZMI** (Jab. Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab)

Naib Juara: Ustaz **MOHD MAHFUZ BIN JAAFAR** (Jab. Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat)

Ketiga: Ustaz ABDUL MUKTI BINTI BAHARUDIN (Jab. al-Quran dan al-Sunnah)

Pensyarah Perempuan:

Juara: Ustazah **NORMAH BINTI HUSIN** (Jab. Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab)

Naib Juara: **ROHANA BINTI ZAKARIA** (Jab. Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat)

Ketiga: **ROSNI BINTI WAZIR** (Jab. al-Quran dan al-Sunnah)

Juri bagi pertandingan ini ialah Ustaz Mohd Norzi bin Nasir (Jab. al-Quran dan al-Sunnah) dan Dr. Noor Hafizah Binti Mohd Haridi. Hadiah berupa piala pusingan dan wang tunai di berikan kepada juara, naib juara dan tempat ketiga di SuperBowl Nilai Negeri Sembilan oleh Dekan Fakulti Pengajian Peradaban Islam FPPI

GAMBAR SEKITAR UKHUWWAH DAY DAN PENYAMPAIAN HADIAH KECERIAN



Ukhuwwah Day FPPI

17 November 2017, Jumaat - Program Ukhuwwah Permainan Bowling 2017 telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Timbalan Dekan Mahasiswa FPPI. Program ini telah dijalankan bertempat di SuperBowl Nilai, Negeri Sembilan. Peserta-peserta yang terlibat terdiri pengurusan FPPI, pensyarah-pensyarah dan kakitangan pentadbiran fakulti.

Sebelum bertolak ke SuperBowl semua peseta yang hadir sempat makan tengahari di Restoran Arab Nilai.

Kumpulan bowling yang telah dibahagikan bertanding bermain dengan penuh semangat kesukanan dengan pelbagai aksi balingan yang menjadikan suasana gamat denna sorakan setiap kumpulan.

Tahniah diucapkan kepada Us Adnan dari Jabatan Bahasa Arab dan Ustazah Rohana yang mendapat mata tertinggi balingan "strike".

Majlis ditangguhkan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh Dekan Fakulti Pengajian

Gambar sekitar Family Day FPPI 2017

